



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**  
**5 Februari 2023**

### **JUDI DALAM TALIAN: MCMC SEKAT 6,381 LAMAN SESAWANG JUDI DALAM TALIAN BAGI TEMPOH ANTARA 2020 HINGGA AKHIR 2022**

Susulan gesaan oleh sebuah persatuan pengguna agar platform perjudian dalam talian dikawal selia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa komited dalam menyokong tindakan penguatkuasaan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha untuk membanteras kegiatan judi dalam talian yang tertakluk di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289).

Dalam hal ini, pihak PDRM menjalankan tindakan dan penguatkuasaan manakala pihak MCMC pula berperanan dalam memberikan bantuan teknikal kepada PDRM termasuklah pembekalan maklumat dan sekatan laman sesawang berunsur perjudian berdasarkan permohonan daripada pihak PDRM.

Bagi tempoh antara 2020 sehingga akhir 2022, pihak MCMC telah menyekat sejumlah 6,381 laman sesawang judi dalam talian, berdasarkan kepada permohonan rasmi daripada pihak PDRM atas kesalahan di bawah Akta 289. Manakala, sejumlah 212,399 talian telefon termasuk talian mudah alih dan tetap yang menghantar spam SMS meragukan seperti mempromosikan judi dalam talian, pinjaman tidak berlesen dan lain-lain telah ditamatkan perkhidmatannya bermula 2020 sehingga 2022.

Selain tindakan penguatkuasaan (pendakwaan/sekatan), kesedaran diri, pendidikan serta kawalan kendiri adalah kunci dalam usaha membanteras perjudian dalam talian. Pengguna secara umum juga boleh memainkan peranan untuk turut sama dalam usaha menyekat aktiviti promosi judi dalam talian, antaranya dengan melaporkan kepada pihak MCMC

promosi iklan-iklan judi yang diterima melalui SMS supaya pembatalan talian dapat dilaksanakan dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

Sekiranya pengguna menerima iklan judi melalui aplikasi pesanan ringkas seperti WhatsApp dan media sosial seperti Facebook, laporkan nombor talian atau akaun media sosial tersebut kepada penyedia perkhidmatan aplikasi atau penyedia platform media sosial supaya nombor/akaun tersebut tidak dapat menghantar iklan promosi judi dalam talian kepada pengguna yang lain.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV